



DEWAN PEPERIKSAAN



Perkara **X**
PEMBANGUNAN KAMPUS

KAMPUS TETAP

Pengenalan

UniMAP memiliki 2 kawasan tapak Kampus Tetap iaitu Kampus Alam di Pauh Putra dengan keluasan 1028 ekar dan Kampus Hijau yang terletak di Sungai Chuchoh dengan keluasan tapak seluas 253 ekar.

Pembangunan Kampus Tetap bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 di mana dalam tempoh RMKe-8, proses pengambilan tanah melibatkan pelbagai pihak seperti tanah individu, FELDA dan juga tanah milik MBI.

Pembangunan fizikal hanya bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) di mana beberapa buah Pusat Pengajian dan bangunan sokongan berjaya dibangunkan berperingkat-peringkat secara berpakej.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), pembangunan fizikal hanya melibatkan Kampus Alam di Pauh Putra manakala Kampus Hijau di Sungai Chuchoh belum mendapat peruntukan pembangunan (DE).

RANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2014


Peruntukan Belanja Pembangunan (DE)

Tahun 2014 merupakan tahun keempat Rancangan Malaysia Ke-10. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan projek di mana agihan peruntukan diberikan secara *rolling plan* melibatkan beberapa *rolling plan* sepanjang tempoh 2011 – 2015.

Dalam *1st Rolling Plan* melibatkan peruntukan sebanyak RM 111.5 juta bagi tahun 2011, UniMAP hanya mendapat peruntukan bagi menyiapkan projek – projek sambungan Pakej 3B dan Pakej 4 sahaja. Begitu juga untuk *2nd Rolling Plan* bagi tahun 2012 dan 2013, UniMAP mendapat peruntukan sebanyak RM36 juta untuk tahun 2013. RM30 juta diperuntukkan untuk pembelian peralatan manakala baki RM6 juta diperuntukkan untuk bayaran akhir Projek Pakej 3B, Projek Pakej 4, projek naiktaraf balapan bitumen kepada sintetik di Kompleks Sukan dan projek naiktaraf jalan berkembar 2 lorong.

Pada tahun 2014 iaitu melalui *4th Rolling Plan*, UniMAP telah menerima peruntukan sebanyak RM51.5 juta untuk melaksanakan projek-projek baru. Projek-Projek tersebut ialah :-

PEMBANGUNAN KAMPUS



Pelan Induk Kampus Tetap Pauh Putra

- i. Bangunan Canseleri / Pendaftar & Bendahari
- ii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
- iii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
- iv. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- v. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- vi. Dewan Besar
- vii. Reservoir

Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

UniMAP telah menyiapkan 1 projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Projek yang menelan belanja sebanyak RM32 Juta ini telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013 yang lalu.

Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4000 pelajar yang dinamakan PFI-2.

Peruntukan Melalui Sumber Dalam Universiti

Dalam usaha memacu pembangunan dan perkembangan Kampus Pauh, pengurusan Universiti memutuskan untuk membangunkan beberapa bangunan dengan menggunakan sumber dalam Universiti bagi meningkatkan prasarana Kampus untuk kemudahan dan keselesaan kepada para pelajar khususnya.

Projek-projek yang dirancang untuk dilaksana dengan menggunakan sumber dalam Universiti ialah:-

- i. Dewan Peperiksaan
- ii. ICT Data Center
- iii. Surau 500 Jemaah

Secara keseluruhannya, terdapat 12 Projek yang dilaksanakan pada tahun 2014 dimana 11 projek merupakan projek fizikal dan 1 projek bukan fizikal. Butiran projek adalah seperti jadual dibawah:-

Senarai Projek Pada Tahun 2014


Bil.	Senarai Projek	Catatan	Agensi Pelaksana
1	Dewan Peperiksaan	100% Siap	UniMAP
2	ICT Data Center	100% Siap	UniMAP
3	Surau 500 Jemaah	100% Siap	UniMAP
4	Asrama PFI 2	25% Siap	UniMAP
5	Pembelian Peralatan	70% Siap	UniMAP
6	Bangunan Canseleri / Pendaftar & Bendahari	Rekabentuk	JKR
7	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	Rekabentuk	JKR
8	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	Rekabentuk	JKR
9	Dewan Besar	Rekabentuk	JKR
10	Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA)	Rekabentuk	JKR
11	Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)	Rekabentuk	UniMAP
12	Reservoir	Rekabentuk	JKR

Jadual 1 : Senarai Projek Pada Tahun 2014

PRESTASI KEWANGAN PROJEK PADA TAHUN 2014


Daripada RM 51.5 Juta peruntukan yang diterima melalui 4th Rolling Plan 2014, UniMAP telah membelanja sebanyak RM 12 juta iaitu 23.3% daripada peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan tahunan RMKe-10 (DE) adalah seperti Graf 1 di bawah :-

Graf 1 : Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan 4th Rolling Plan RMKe-10 (DE)



Graf Peruntukan 4th Rolling Plan RMKe-10 : RM 51.5 Juta

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2014 ditunjukkan dalam Jadual 2 dibawah:-



Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Bulanan Bagi Tahun 2014 (DE)

PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2014


Pada tahun 2014 iaitu melalui 4th Rolling Plan, UniMAP telah menerima peruntukan sebanyak RM51.5 juta untuk melaksanakan projek-projek baru. Projek-Projek tersebut ialah :-

- i. Bangunan Canseleri / Pendaftar & Bendahari
- ii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
- iii. Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
- iv. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- v. Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
- vi. Dewan Besar
- vii. Reservoir

Semua projek – projek tersebut diurus oleh agensi teknikal kebangsaan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak sebagai agensi pelaksana kecuali projek Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) yang akan diurus oleh Jabatan Pembangunan UniMAP.

Sepanjang tahun 2014, UniMAP dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah mengadakan makmal pengurusan nilai (Value Management Lab) bagi projek – projek berkenaan sebanyak dua (2) kali iaitu pada bulan Februari 2014 dan bulan Jun 2014. Seterusnya agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya, Cawangan Pengajian Tinggi sedang menyiapkan rekabentuk bangunan dan penyediaan dokumen tender untuk tujuan perolehan.

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan yang terkini sebanyak RM 129 juta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 4,000 pelajar bagi PFI-2 sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Pauh Putra.



Gambar 1 : Tapak Cadangan & Ilustrasi Kolej Kediaman PFI-2

Pembinaan Kolej Kediaman PFI-1 ini telah bermula pada March 2010 dan telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013. Manakala pembinaan Kolej Kediaman PFI-2 melibatkan 4000 pelajar telah mula dibina pada Disember 2013 dengan tempoh kontrak selama 30 bulan.



Gambar 2 : Kolej Kediaman PFI-2 (25% Siap)

Memandangkan di dalam 2nd Rolling Plan RM Ke-10, UniMAP tidak mendapat peruntukan bagi projek-projek baru. Pengurusan Universiti memutuskan untuk menggunakan sumber dalaman Universiti bagi melangsungkan agenda pembangunan Kampus supaya aktiviti pembangunan terus dipacu ke arah memberi kemudahan dan keselesaan kepada seluruh warga UniMAP.

Bagi mempertingkatkan suasana pembelajaran kondusif untuk para pelajar, sebuah Dewan Peperiksaan dengan kapasiti 3000 pelajar telah pun siap pembinaannya. Selain untuk peperiksaan, dewan ini juga boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti seperti seminar, aktiviti persatuan, kegiatan sukan serta majlis-majlis anjuran Universiti.

Dewan peperiksaan ini mula dibina pada Oktober 2012 dan siap sepenuhnya pada Januari 2014.



Gambar 3 : Ilustrasi Dewan Peperiksaan



Gambar 4 : Dewan Peperiksaan (100% Siap)

Bagi mempertingkatkan kebolehcapaian maklumat (ICT), pengurusan Universiti memutuskan untuk membina bangunan ICT Data Center di Kampus Pauh. Dengan adanya bangunan ICT Data Center ini, capaian ICT untuk warga Kampus Pauh tidak lagi bergantung kepada server di Kubang Gajah. Projek ICT Data Center ini mula dibina pada 3hb Disember 2012 dan telah siap sepenuhnya pada Januari 2014 yang lalu.



Gambar 5 : Ilustrasi Cadangan Bangunan ICT Data Center.



Gambar 6 : Pembinaan Bangunan ICT Data Center (100% Siap).

Peningkatan warga Kampus Pauh amat ketara dalam tahun 2012 apabila semua projek-projek sambungan RMKe-10 telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun tersebut. Sehubungan itu, sebuah surau dengan kapasiti 500 jemaah akan disediakan untuk kegunaan warga kampus yang beragama Islam. Projek surau ini mula dibina pada April 2013 dan telah siap sepenuhnya pada Februari 2014 yang lalu.

Jabatan Pembangunan sentiasa komited dalam memastikan semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan prasarana dan kemudahan akademik dapat disediakan mengikut keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, inisiatif dan usaha dari semua pihak telah banyak membantu dalam memastikan prestasi pelaksanaan projek pembangunan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.



Gambar 7 : Ilustrasi Cadangan Surau 500 Jemaah



Gambar 8 : Surau 500 Jemaah (100% Siap)

